


Sukan Komanwel XXI

Gold Coast 2018

4 - 15 APRIL

LAPORAN DARI
GOLD COAST
AUSTRALIA

PEMBERITA

KEDUDUKAN
PINGAT

	E	P	G	J
AUSTRALIA	80	59	59	198
ENGLAND	45	45	46	136
INDIA	26	20	20	66
KANADA	1540	27	82	
NEW ZEALAND	15	16	15	46
AFRIKA SELATAN	13	11	13	37
WALES	10	12	14	36
SCOTLAND	9	13	22	44
NIGERIA	9	9	6	24
CYPRUS	8	1	5	14
JAMAICA	7	9	11	27
MALAYSIA	7	5	12	24
SINGAPURA	5	2	2	9
KENYA	4	7	6	17
UGANDA	3	1	2	6
BOTSWANA	3	1	1	5
SAMOA	2	3	0	5
TRINIDAD & TOBAGO	2	1	0	3
NAMIBIA	2	0	0	2
NORTHERN IRELAND	1	7	4	12
BAHAMAS	1	3	0	4
PAPUA NEW GUINEA	1	2	0	3
FIJI	1	1	2	4
PAKISTAN	1	0	4	5
GRENADA	1	0	1	2
BERMUDA	1	0	0	1
GUYANA	1	0	0	1
BRITISH VIRGIN IS.	1	0	0	1
SAINT LUCIA	1	0	0	1
BANGLADESH	0	2	0	2
SRI LANKA	0	1	5	6
CAMEROON	0	1	2	3
DOMINICA	0	1	1	2
ISLE OF MAN	0	1	0	1
MAURITIUS	0	1	0	1
NAURU	0	1	0	1
MALTA	0	0	2	2
VANUATU	0	0	2	2
COOK ISLANDS	0	0	1	1
GHANA	0	0	1	1

VIVIAN MEI KUAN
DUAS LIMBANG
EMAS »35

Malaysia perbaiki pencapaian

GOLD COAST 15 APRIL

MALAYSIA berjaya memperbaiki pencapaian keseluruhan pada Sukan Komanwel 2018 apabila meraih tujuh emas, lima perak dan 12 gangsa sebelum temasya itu melabuhkan tirainya di sini hari ini.

Pungutan pingat itu lebih baik sedikit berbanding temasya di Glasgow, Scotland empat tahun lalu yang hanya meraih enam emas, tujuh perak dan enam gangsa.

Namun begitu, pencapaian tahun ini hanya muncul yang kelima terbaik sejak Malaysia menjadi tuan rumah pada 1998. Pungutan terbaik yang pernah Malaysia catat ialah pada 2010 di New Delhi, India iaitu dengan 12 emas, 10 perak dan 14 gangsa.

Ini diikuti temasya 1998 di laman sendiri iaitu 10 emas, 14 perak dan 12 gangsa, temasya 2006 di Manchester, England dengan tujuh emas, 12 perak dan 10 gangsa dan

PENCAPAIAN MALAYSIA DALAM SUKAN KOMANWEL

	E	P	G	J		E	P	G	J
1966 KINGSTON	2	2	1	5	1994 VICTORIA	2	3	2	7
1970 EDINBURGH	1	1	1	3	1998 K. LUMPUR	10	14	12	36
1974 C'CHURCH	1	0	3	4	2002 MANCHESTER	7	9	18	34
1978 EDMONTON	1	2	1	4	2006 MELBOURNE	7	12	10	29
1982 BRISBANE	1	0	1	2	2010 DELHI	12	10	14	36
1986 EDINBURGH	-	-	-	-	2014 GLASGOW	6	7	6	19
1990 AUCKLAND	2	2	0	4	2018 GOLD COAST	7	5	12	24

temasya 2002 di Melbourne, Australia dengan tujuh emas, sembilan perak dan 18 gangsa.

Berdasarkan sukan pula, temasya kali ini menyaksikan badminton terus kekal sebagai penyumbang pingat terbaik dengan dua emas, 1 perak dan dua gangsa.

Ini diikuti angkat berat yang menyumbang dua emas dan satu gangsa diikuti gimrama dengan satu emas, tiga perak dan tiga gangsa.

Sukan yang pulang tanpa sebutir pingat adalah basikal trek, renang, hoki, olahraga, bola keranjang, ragbi dan

triathlon.

Ping pong pula boleh dianggap sebagai sukan paling mengejutkan apabila berjaya membawa pulang satu gangsa menerusi beregu wanita individu ketika tiada harapan dan publisiti besar diberikan kepada mereka.

Atlet yang gagal mempertahankan pingat emas pula adalah Datuk Nicol David (skuasy perseorangan wanita), Ooi Tze Liang (3m papan anjal lelaki), badminton berpasukan campuran dan Goh V Shem/Tan Wee Kiong (beregu lelaki).

Manakala sukan atau acara yang kembali memenangi emas adalah gimrama, boling padang dan badminton perseorangan lelaki.

Sukan paling banyak menunjukkan peningkatan adalah angkat berat boling padang dan gimrama.

mempertahankan kejuaraan berpasukan.

“Nasihat saya kepada rakan-rakan, jangan putus asa. Selepas tamat Sukan Komanwel kita ada lagi kejohanan besar seperti Sukan Asia dan Kejohanan Dunia, mari bangkit dan fokus,” katanya lagi.

Mengenai pertemuan kedua menentang Srikanth, Chong Wei mengakui tidak mudah terutama selesa kalah di set pertama.

“Penat tu memang penat tetapi kerana inginkan emas terakhir ini, saya gagahkan juga untuk membuat yang terbaik.”

“Selesa menang set kedua saya dapat keyakinan, di set ketiga... saya hanya ikut rentak dia. Ketika mendahului 5-0 keyakinan semakin meningkat dan dia pula mula melakukan kesilapan mudah,” katanya.

PEMENANG PINGAT PERAK/GANGSA SUKAN KOMANWEL 2018

PERAK

- LEE CHONG WEI, GOH V SHEM/TAN WEE KIONG, SONIIA CHEAH, VIVIAN HOO/CHOW MEI KUAN, CHAN PENG SOON/GOH LIU YING, GOH SOON, HUAT/SHEVON LAI
- Badminton berpasukan campuran

2. JONG YIE KHIE

- Powerlifting heavyweight (para)

GANGSA

- MOHAMAD FAZRUL AZRIE MOHDAD
 - Angkat berat kategori 85kg lelaki
- MOHD. NAJIZWAN ADNAN
 - Skuasy perseorangan lelaki
- ALIA SAZANA AZAHARI
 - Menembak 25 meter pistol wanita
- NUR DHABITHAH SABRI/LEONG MUN YEE
 - Terjun 3m papan anjal seirama wanita
- NUR DHABITHAH SABRI/LEONG MUN YEE
 - Terjun 10 meter platform seirama wanita
- AMY KWAN DICT WENG
 - Gimrama individu all-around
- MUHAMAD AFIQ ALI HANAFIAH
 - Olahraga para acara 100 meter T12
- AMY KWAN DICT WENG
 - Gimrama disiplin gelung individu
- KOI SIE YAN
 - Gimrama disiplin riben individu
- KOI SIE YAN
 - Gimrama disiplin belantang individu
- MUHAMAD AFIQ ALI HANAFIAH
 - Olahraga para acara 100 meter T12
- HOO YING/KAREN LYNE
 - Ping Pong beregu wanita individu
- GOH V SHEM/TAN WEE KIONG
 - Badminton beregu lelaki individu
- CHAN PENG SOON/GOH LIU YING
 - Badminton beregu campuran individu

'Jangan sesekali putus asa'

GOLD COAST 15 April – Datuk Lee Chong Wei memberi pesanan kepada semua pemain badminton negara, ‘jangan sesekali putus asa’ selepas menutup karier Sukan Komanwel dengan merangkul pingat emas dalam perseorangan lelaki hari ini.

Kalah di set pembukaan, Chong Wei menunjukkan semangat juang tinggi ketika menumpaskan pemain No. 1 dunia yang 11 tahun lebih muda daripadanya, K. Srikanth dari India 19-21, 21-14, 21-14 untuk merangkul emas keenam Malaysia di Gold Coast.

Kemenangan ini bukan sahaja melunaskan dendamnya atas kekalahan kepada Srikanth dalam acara berpasukan campuran,



Isnin lalu, malah membolehkan Chong Wei meraih emas Sukan Komanwel buat kali kelima. Dia turut merangkul emas perseorangan dan berpasukan di Melbourne 2006 dan New Delhi 2010 tetapi tidak mengambil bahagian pada temasya Glasgow 2014.

“Veteran menang hari ini. Pastinya ia kemenangan paling manis dalam penampilan terakhir saya,” kata Chong Wei sejurur tamat permainan.

Menurut Chong Wei, yang genap 36 tahun pada 21 Oktober ini, tekanan yang dirasai hari ini agak luar biasa kerana sedar badminton tidak mencatat keputusan cemerlang di Gold Coast dengan hanya menampilkan dua wakil dalam final dan sebelumnya gagal


mempertahankan kejuaraan berpasukan.

“Nasihat saya kepada rakan-rakan, jangan putus asa. Selepas tamat Sukan Komanwel kita ada lagi kejohanan besar seperti Sukan Asia dan Kejohanan Dunia, mari bangkit dan fokus,” katanya lagi.

Mengenai pertemuan kedua menentang Srikanth, Chong Wei mengakui tidak mudah terutama selesa kalah di set pertama.

“Penat tu memang penat tetapi kerana inginkan emas terakhir ini, saya gagahkan juga untuk membuat yang terbaik.”

“Selesa menang set kedua saya dapat keyakinan, di set ketiga... saya hanya ikut rentak dia. Ketika mendahului 5-0 keyakinan semakin meningkat dan dia pula mula melakukan kesilapan mudah,” katanya.



LEE CHONG WEI mempamerkan aksi menarik menentang Srikanth dalam final badminton perseorangan lelaki Sukan Komanwel 2018 di Pusat Sukan dan Riadah Carrara, Gold Coast, semalam.